

07/12/1999

Waspada dakyah, muslihat Barat

Rahman Hashim

MELAKA, Isnin - Parti pembangkang disaran supaya tidak lagi mengharapkan sokongan kuasa Barat untuk berkuasa di negara ini kerana tindakan itu akan hanya merugikan mereka.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, berkata kuasa Barat sanggup berbuat apa saja, termasuk memberi pertolongan kepada mana-mana pihak yang bersedia mengikut telunjuk mereka.

Bagaimanapun, katanya, tindakan itu hanya merugikan negara dan membuatkan rakyat menderita kerana kesempatan itu akan digunakan oleh kuasa asing untuk menjajah semula Malaysia.

"Tindakan Amerika Syarikat yang mengalu-alukan pencapaian parti pembangkang dalam pilihan raya lalu, menunjukkan pemimpin negara itu sememangnya mempunyai agenda tersembunyi terhadap Malaysia," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Amerika Syarikat yang menyambut baik keupayaan parti pembangkang merampas beberapa kerusi daripada Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum lalu.

Menurut Mohd Ali, kuasa Barat, khususnya Amerika Syarikat, sememangnya cemburu dengan kejayaan Malaysia yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Amerika pernah menghantar Naib Presiden, Al-Gore, Madeline Albright dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk merosakkan keharmonian negara dengan menyokong gerakan reformasi.

Bagaimanapun, katanya, usaha itu gagal kerana rakyat bukan saja tidak dapat menerima perbuatan mereka, malah turut melenyapkan usaha golongan reformasi yang mahu menjatuhkan kerajaan melalui demonstrasi dan rusuhan.

Dalam pada itu, pelantikan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Tan Sri Shahidan Kassim, yang masing-masing menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang dan Menteri Besar Perlis, sememangnya dialu-alukan.

Mohd Ali berkata, pelantikan Koh menunjukkan Dr Mahathir patuh kepada janji yang dibuat sebelum pilihan raya, sekali gus tidak terpengaruh dengan tindakan sesetengah pihak yang cuba menggugat perpaduan dalam BN.

"Kesediaan Perdana Menteri melantik Shahidan semula adalah tepat berikutan kejayaan beliau merampas semula Parlimen Arau daripada pembangkang," katanya.

Menurut Mohd Ali, kejayaan BN Perlis merampas Parlimen Arau, sekali gus membuktikan kawasan lain yang sudah jatuh ke pihak pembangkang, masih boleh dirampas semula oleh BN.

"Apa yang penting ialah pengundi diberi penjelasan yang lengkap bagi mengelakkan pengundi daripada terkeliru dengan fitnah pembangkang," katanya.

(END)